



**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

**PENYATA  
KEWANGAN  
NEGERI TERENGGANU**

**2020**

**DITERBITKAN DENGAN PERINTAH**

Dicetak oleh:



Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu  
Tel: 09-666 8611 / 6652 / 8601  
Faks: 09-666 0611 / 0063  
Emel: [marketing.dept0615@gmail.com](mailto:marketing.dept0615@gmail.com)



# PENYATA KEWANGAN NEGERI TAHUN 2020 NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

## KANDUNGAN

BIL	PERIHAL	MUKASURAT
<b>1</b>	<b>SIJIL KETUA AUDIT NEGARA</b>	
<b>2</b>	<b>LAPORAN BENDAHARI NEGERI</b>	i - xiii
<b>3</b>	<b>PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI</b>	1
<b>4</b>	<b>PENYATA KEWANGAN NEGERI</b>	
	Penyata Kedudukan Kewangan	2
	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	3
	Penyata Prestasi Kewangan	5
	Penyata Akaun Memorandum	6
	Nota Kepada Penyata Kewangan	7
<b>5</b>	<b>LAMPIRAN KEPADA NOTA</b>	
	<b>LAMPIRAN</b>	
	1 Penyata Perbelanjaan Mengurus	21
	2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan	82
	3 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	120
	4 Penyata Memorandum Pelaburan	124
	5 Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam	125





# **SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Kerajaan Negeri Terengganu, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 20.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

## **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Terengganu dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Terengganu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Terengganu untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.



Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Terengganu.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Terengganu sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

## Hal-hal Lain

Kerajaan Negeri Terengganu hendaklah memastikan pengurusan terimaan dan bayaran dilaksanakan dengan lebih teratur terutama bagi perkara berikut:

- a. Penyata penyesuaian bank perlu disediakan secara berkala, disemak dan mengambil tindakan terhadap *unreconcile item* dengan segera. Pelarasan perlu dibuat dengan sewajarnya supaya baki Wang Tunai yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat.
- b. Menambah baik kawalan dalaman pengurusan pembayaran yang menjadi punca utama peningkatan bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) setiap tahun. Bil tuntutan hendaklah dikemukakan dengan segera selepas sesuatu perolehan dibuat dan dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103(a).

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.






**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
13 OGOS 2021



# SOROTAN







# LAPORAN BENDAHARI NEGERI



# LAPORAN BENDAHARI NEGERI

## 1. PENDAHULUAN

Laporan ini bertujuan menerangkan secara ringkas kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2020.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu telah disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 (Disemak 1972) dan ianya mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan

## 2. PRESTASI BELANJAWAN

Jumlah kutipan hasil tahun 2020 adalah sebanyak RM1,633.46 juta iaitu kurang 1.95 % daripada jumlah anggaran RM1,666.00 juta. Berdasarkan belanjawan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM1,842.67 juta untuk Belanja Mengurus, RM699.29 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan dan RM1.63 juta untuk Perbelanjaan Bekalan Air. Jumlah peruntukan tambahan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada tahun 2020 adalah sebanyak RM10.67 juta iaitu jumlah hutang Kerajaan Persekutuan yang dikontra dan dibuat pemotongan secara terus daripada Royalti Petroleum (pemberian Dana Khas Kerajaan Persekutuan).

Jadual 1 menunjukkan perbandingan di antara belanjawan dengan prestasi sebenar kutipan hasil dan perbelanjaan bagi tahun 2020.

**Jadual 1: Belanjawan & Prestasi Sebenar Kutipan Hasil dan Perbelanjaan  
Tahun 2019 dan 2020**

BUTIRAN	2020			2019		
	Anggaran (RM juta)	Sebenar (RM juta)	%	Anggaran (RM juta)	Sebenar (RM juta)	%
Hasil	1,666.00	1,633.46	98.05	2,015.00	2,560.96	127.09
Perbelanjaan Mengurus	1,842.67	1,687.47	91.58	2,015.00	2,300.99	114.19
Perbelanjaan Pembangunan	699.29	605.79	86.63	599.39	489.92	81.74
Perbelanjaan Bekalan Air	1.63	0.81	49.69	1.80	0.87	48.33



### 3. PRESTASI KEWANGAN

Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2020 berakhir dengan defisit RM54.01 juta bagi Akaun Hasil Disatukan. Ini kerana jumlah perbelanjaan mengurus RM1,687.47 juta melebihi kutipan hasil yang berjumlah RM1,633.46 juta.

Kumpulan Wang Pembangunan Negeri mencatat defisit RM84.81 juta berbanding lebihan berjumlah RM245.68 juta pada tahun 2019 dan Kumpulan Wang Bekalan Air mencatat pengurangan defisit RM0.81 juta berbanding defisit RM0.87 juta pada tahun 2019.

Lain-Lain Akaun Amanah terdiri daripada Akaun Amanah Kerajaan, Akaun Amanah Awam dan Akaun Deposit mencatat lebihan RM8.26 juta. Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2020 adalah sebagaimana Jadual 2.

**Jadual 2 : Ringkasan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu  
Bagi Tahun 2020 dan 2019**

BUTIRAN	TAHUN 2020 RM (Juta)	TAHUN 2019 RM (Juta)
<b>AKAUN HASIL DISATUKAN</b>		
Hasil	1,633.46	2,560.96
Perbelanjaan Mengurus	1,687.47	2,300.99
Lebihan/ (Kurangan) Akaun Hasil Disatukan	(54.01)	259.97
<b>AKAUN AMANAH DISATUKAN</b>		
<b>AKAUN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN</b>		
Terimaan	520.99	735.60
Perbelanjaan Pembangunan	605.80	489.92
Lebihan/ (Kurangan) Akaun Pembangunan	(84.81)	245.68
<b>AKAUN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR</b>		
Terimaan	0.00	0.00
Perbelanjaan Bekalan Air	0.81	0.87
Lebihan/ (Kurangan) Akaun Bekalan Air	(0.81)	(0.87)
<b>LAIN-LAIN AKAUN AMANAH</b>		
Terimaan	9,001.68	9,707.49
Perbelanjaan	8,993.42	9,769.39
Lebihan/ (Kurangan) Lain-Lain Akaun Amanah	8.26	(61.90)
<b>AKAUN PINJAMAN DISATUKAN</b>		
Terimaan	0.00	0.00
Perbelanjaan	0.00	0.00
Lebihan/ (Kurangan) Lain-Lain Akaun Pinjaman	0.00	0.00



#### 4. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN


Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan menunjukkan jumlah Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

Jumlah Aset yang ditunjukkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM466.20 terdiri daripada wang tunai sebanyak RM166.20 juta dan pelaburan Kerajaan Negeri sebanyak RM300.00 juta.

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri 2020 menunjukkan pengurangan sebanyak RM131.26 juta berbanding tahun 2019 berjumlah RM597.56 juta. Ini adalah disebabkan oleh penurunan Wang Tunai sebanyak RM21.36 juta dan penurunan jumlah Pelaburan sebanyak RM110.00 juta.

Carta 1 menunjukkan kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 5 Tahun iaitu dari tahun 2016 hingga 2020

**Carta 1 : Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2016 Hingga 2020**



## WANG AWAM

### Wang Tunai

Wang Tunai adalah aset Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Bank dan Wang Tunai Dalam Perjalanan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada Akaun Semasa dan Akaun Simpanan Tetap di Institusi Kewangan yang diluluskan bagi tempoh tiga (3) bulan dan ke bawah. Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang telah dikenalpasti yang belum diambil kira dalam Buku Tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan, manakala Wang Tunai Dalam Tangan adalah merupakan baki Panjar Wang Runcit (PWR).

Bagi memastikan semua perbelanjaan Kerajaan Negeri dapat dibiayai dengan kedudukan Wang Tunai yang kukuh, adalah penting untuk menguruskan Wang Tunai dengan mantap dan efisien. Lebihan Wang Tunai dilaburkan dalam Simpanan Tetap tiga (3) bulan dan ke bawah bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan harian.

Pada tahun 2020, Wang Tunai Kerajaan Negeri telah menurun sebanyak RM21.36 juta (11.39 %) kepada RM166.20 juta berbanding RM187.56 juta pada tahun 2019.

Perbandingan kedudukan baki Wang Tunai Kerajaan Negeri bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti di Jadual 3.

**Jadual 3 : Wang Tunai Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2019 dan 2020**

PERIHAL	2020 (RM juta)	2019 (RM juta)
Wang Tunai Dalam Tangan	0.11	0.11
Wang Tunai Dalam Bank	166.09	187.21
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.24
<b>Jumlah Wang Tunai</b>	<b>166.20</b>	<b>187.56</b>

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada Akaun Semasa berjumlah RM116.09 juta dan Akaun Simpanan Tetap bagi tempoh tiga (3) bulan dan ke bawah berjumlah RM50.00 juta.

### Pelaburan

Pelaburan Kerajaan Negeri terdiri daripada Pelaburan Am dalam bentuk Simpanan Tetap melebihi tempoh tiga (3) hingga dua belas (12) bulan di institusi kewangan tempatan. Dalam tahun 2020, jumlah pelaburan Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM300.00 juta berkurangan sebanyak RM110.00 juta (26.83 %) berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM410.00 juta.

## KUMPULAN WANG DISATUKAN

Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2020 adalah sebanyak RM466.20 juta. Ia terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan RM203.36 juta, Akaun Amanah Disatukan RM262.84 juta dan tiada sebarang baki bagi Akaun Pinjaman Disatukan. Baki Kumpulan Wang Disatukan ini telah menurun sebanyak RM131.36 juta (21.98 %) berbanding RM597.56 juta pada tahun 2019.

## AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi satu tahun kewangan.

Pada tahun 2020, jumlah Akaun Hasil Disatukan berakhir dengan defisit berjumlah RM54.00 juta menyebabkan baki terkumpul akaun ini menurun kepada RM203.36 juta berbanding RM257.36 juta tahun 2019.


### Hasil

Hasil Kerajaan Negeri dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil.

Pada tahun 2020, jumlah hasil yang diterima oleh Kerajaan Negeri adalah RM1,633.46 juta iaitu 98.05 % daripada anggaran. Jumlah hasil ini menurun RM927.50 juta (36.22 %) berbanding kutipan tahun sebelum berjumlah RM2,560.96 juta. Pengurangan hasil ini disebabkan oleh Terimaan Bukan Hasil, Hasil Bukan Cukai dan Hasil Cukai yang lebih rendah berbanding tahun 2019.

Carta 2 menunjukkan pecahan Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2019.

**Carta 2 : Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2019**




**Terimaan Bukan Hasil** yang merupakan komponen hasil utama kerajaan menyumbang 87.63 % daripada keseluruhan hasil tahun 2020 berjumlah RM1,431.44 juta telah menurun sebanyak RM882.02 juta (38.13 %) berbanding RM2,313.46 juta pada tahun 2019.

Terimaan Bukan Hasil adalah terdiri daripada Pulangan Balik Perbelanjaan berjumlah RM44.60 juta dan Terimaan Daripada Agensi Kerajaan berjumlah RM1,386.84 juta. Pengurangan kutipan hasil dalam Terimaan Bukan Hasil adalah kerana Terimaan Daripada Agensi Kerajaan Yang Lain berjumlah RM6.97 juta tahun 2020 berkurang sebanyak RM218.03 juta (96.90 %) berbanding RM225.00 juta tahun 2019. Terdapat juga pengurangan hasil Royalti Petroleum (Dana Khas Kerajaan Persekutuan) sebanyak RM674.55 juta (39.61 %) berjumlah RM1,028.29 juta pada tahun 2020 berbanding RM1,702.84 juta tahun 2019.

**Hasil Bukan Cukai dan Hasil Cukai** masing-masing menyumbang RM137.33 juta dan RM64.70 juta juga telah menurun sebanyak RM36.34 juta dan RM9.13 juta berbanding RM173.67 juta dan RM73.83 juta pada tahun 2019.

Prestasi Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti carta 3 di bawah.

**Carta 3 : Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Mengikut Jenis Hasil Bagi Tempoh 5 Tahun**



## Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Pada tahun 2020 Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM1,687.47 juta (termasuk pindahan RM500.00 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan) menurun sebanyak RM613.52 juta (26.66 %) berbanding RM2,300.99 juta tahun 2019.


Perbelanjaan Tanggungan berjumlah RM89.66 juta menurun sebanyak RM413.82 juta (82.19 %) daripada perbelanjaan tahun 2019 yang berjumlah RM503.48 juta. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan dalam pembayaran Hutang Awam dan juga Bayaran Perintah Mahkamah yang menurun sebanyak RM19.37 juta (75.16 %) daripada RM 25.77 juta tahun 2019 kepada RM6.40 juta tahun 2020.

Perbelanjaan Bekalan berjumlah RM1,597.81 juta juga menurun sebanyak RM199.70 juta (11.11 %) daripada RM1,797.51 juta tahun 2019. Perbelanjaan Bekalan ini adalah termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM500.00 juta yang mana ianya berkurang sebanyak RM218.68 juta berbanding RM718.68 juta tahun 2020.

Dari sudut penjenisan Perbelanjaan Mengurus, RM259.52 juta (15.38 %) adalah untuk Emolumen, RM183.54 juta (10.88 %) untuk perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, RM12.06 juta (0.71 %) untuk Aset, RM1,231.08 juta (72.95 %) untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM500.00 juta) dan RM1.27 juta (0.08 %) untuk Perbelanjaan Lain.


Pecahan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri mengikut jenis belanja bagi tahun 2020 adalah seperti di Carta 4.

**Carta 4 : Pecahan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Tahun 2020**



Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti carta 5 di bawah.

**Carta 5 : Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 5 Tahun**



## AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan juga mengakaunkan pindahan terimaan pinjaman tersebut kepada akaun Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air.

### Pinjaman Dalam Negeri

Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan. Pinjaman ini adalah untuk membiayai projek-projek Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Projek Pembangunan Dalam Negeri, Pembangunan Hutan dan untuk dipinjamkan semula kepada Badan-Badan Berkanun Negeri seperti Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) untuk melaksanakan projek-projek.

Pada tahun 2020, Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar. Kerajaan tidak mendapat apa-apa pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan semenjak tahun 2014.

## **AKAUN AMANAH DISATUKAN**

Akaun Amanah Disatukan terdiri dari tiga kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Pada 31 Disember 2020, Akaun Amanah Disatukan berbaki RM262.84 juta iaitu menurun RM77.36 juta atau 22.74 % berbanding RM340.20 juta pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan oleh baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan meningkat sebanyak RM84.81 juta. Penyata Akaun Amanah Disatukan menunjukkan juga pengurangan baki Kumpulan Wang Bekalan Air sebanyak RM0.81 juta, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM9.97 juta dan Deposit sebanyak RM40.59 juta dan juga peningkatan Kumpulan Wang Amanah Awam sebanyak RM58.82 juta.

## **KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan kerajaan dan sumbangan awam serta bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Amanah Kerajaan.

### **Kumpulan Wang Pembangunan Negeri**

Kumpulan Wang Pembangunan adalah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) bagi tujuan pembangunan ekonomi negara.


Pada tahun 2020, Kumpulan Wang Pembangunan mencatatkan jumlah terimaan sebanyak RM520.99 juta manakala perbelanjaan pula berjumlah RM605.80 juta menyebabkan Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan kurangan semasa (defisit semasa) sebanyak RM84.81 juta berbanding lebihan RM245.68 juta pada tahun sebelum. Kurangan tersebut telah menambahkan defisit terkumpul Kumpulan Wang ini kepada RM516.38 juta daripada RM431.57 juta pada tahun 2019.

Terimaan Kumpulan Wang ini adalah terdiri daripada Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM500.00 juta, Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II berjumlah RM10.45 juta dan Bayaran Balik Pinjaman Daripada Agensi Kerajaan berjumlah RM10.54 juta.



Carta 6 menunjukkan prestasi Penerimaan dan Perbelanjaan Pembangunan Negeri Terengganu Bagi Tahun 2016 hingga 2020.

**Carta 6 : Penerimaan Dan Perbelanjaan Pembangunan Negeri Terengganu Bagi Tahun 2016 Hingga 2020**



### Kumpulan Wang Bekalan Air

Tiada terimaan bagi Kumpulan Wang ini pada tahun 2020. Dengan jumlah perbelanjaan RM0.81 juta yang terdiri daripada perbelanjaan mengurus, Kumpulan Wang ini mengalami kekurangan semasa (defisit) berjumlah RM0.81 juta. Ini menyebabkan keseluruhan baki Kumpulan Wang ini berkurangan kepada RM68.41 juta berbanding RM69.21 juta pada tahun 2019.

### Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka, Akaun Kena Bayar dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang ini adalah bagi membolehkan kerajaan menyalurkan peruntukan ke satu tabung untuk maksud tertentu. Sebahagian daripada Kumpulan Wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung.



Secara keseluruhan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2020 telah berkurangan sebanyak RM9.97 juta (2.86 %) dengan jumlahnya adalah sebanyak RM338.23 juta berbanding RM348.20 juta pada tahun sebelum.

## **KUMPULAN WANG AMANAH AWAM**

Kumpulan Wang Amanah Awam ini adalah terdiri daripada kumpulan wang amanah yang ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk maksud-maksud tertentu tetapi tidak bercorak kumpulan wang pusingan.

Terimaan Kumpulan Wang ini dalam tahun 2020 adalah sebanyak RM149.19 juta manakala pembayarannya adalah RM90.37 juta. Ini menyebabkan baki keseluruhan Kumpulan Wang ini RM202.07 juta, meningkat sebanyak RM58.8 juta (41.06 %) berbanding RM143.25 juta tahun sebelum.

## **AKAUN DEPOSIT**

Wang Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah dicapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Pada tahun 2020 terimaan Akaun Deposit termasuk pelarasan adalah berjumlah RM58.69 juta manakala pembayarannya pula berjumlah RM99.28 juta. Baki terkumpul Akaun Deposit pada 31 Disember 2020 adalah sebanyak RM170.51 juta dengan mencatat penurunan sebanyak RM40.59 juta (19.23 %) dari baki terkumpul RM211.10 juta pada 31 Disember 2019.

## **5. PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan keluar wang tunai Kerajaan Negeri bagi tempoh berakhir 31 Disember 2020. Jumlah wang tunai pada 31 Disember 2020 ialah sebanyak RM166.20.

## **6. AKAUN MEMORANDUM**

### **ASET**

#### **PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**

Jumlah baki pinjaman boleh dituntut sehingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak RM177.53 juta yang merangkumi baki pokok RM165.06 juta dan faedah RM12.47 juta. Baki ini berkurangan RM11.68 juta berbanding tahun sebelum sebanyak RM189.21 juta.

Baki Pinjaman Boleh Dituntut ini adalah merangkumi baki pinjaman yang diberikan kepada PMINT sebanyak RM57.35 juta dan Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) sebanyak RM120.18 juta.

Pada tahun 2020, jumlah bayaran balik yang diterima daripada PMINT dan TISB masing-masing adalah sebanyak RM5.00 juta dan RM6.68 juta. Jumlah tunggakan bayaran balik pula adalah RM57.36 juta terdiri daripada pinjaman pokok RM44.88 juta dan faedah RM12.48 juta.

#### **PELABURAN**

Tidak ada banyak perubahan dalam jumlah baki pelaburan ASDI pada 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2019 iaitu masing-masing berbaki sebanyak RM3.45 juta.

#### **AKAUN BELUM TERIMA**

Berlaku peningkatan dalam Akaun Belum Terima sebanyak RM9.14 juta (10.53 %) daripada RM86.80 juta pada tahun 2019 kepada RM95.94 juta tahun 2020. Ini kerana berlaku peningkatan jumlah tunggakan hasil Pejabat Tanah Daerah Kemaman dan Pejabat Tanah Daerah Kuala Nerus yang masing-masing berjumlah RM9.88 juta dan RM2.34 juta.

## **LIABILITI**

### **HUTANG AWAM**

Baki pokok hutang awam pada 31 Disember 2020 adalah sebanyak RM279.04 juta, berkurangan RM30.35 juta berbanding baki sebanyak RM309.39 juta pada tahun 2019. Baki ini adalah pinjaman bagi membiayai projek Badan Berkanun Negeri iaitu pinjaman kepada PMINT sebanyak RM8.51 juta dan projek Kerajaan Negeri sebanyak RM270.53 juta.

Pinjaman bagi membiayai projek Kerajaan Negeri terdiri daripada projek Bekalan Air sebanyak RM226.71 juta dan projek PAKR RM43.82 juta. Bayaran balik pinjaman dalam tahun 2020 adalah sebanyak RM31.86 juta melibatkan bayaran balik pokok RM30.35 juta dan faedah RM1.51 juta.

## **7. PENUTUP**

Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2020 mencatatkan prestasi yang baik walaupun dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi negara dan global yang mencabar.

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 menunjukkan jumlah hasil yang diterima oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM1,633.46 juta iaitu 98.05 % daripada anggaran. Ini menjadikan penurunan hasil adalah sebanyak RM927.50 juta atau 36.22 % berbanding tahun 2019 sebanyak RM2,560.96 juta. Pengurangan ini disebabkan oleh Terimaan Bukan Hasil (Pemberian Dana Khas) sebanyak RM1,028.29 juta yang mencatatkan penurunan yang amat ketara iaitu sebanyak RM674.55 juta (39.61 %) berbanding RM1,702.84 juta pada tahun lepas. Penurunan hasil negeri memberi impak kepada baki Aset didalam Kumpulan Wang Disatukan iaitu pengurangan sebanyak RM131.36 juta berbanding pada tahun 2019 sebanyak RM597.56 juta. Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2020 adalah berjumlah RM1,687.47 juta (termasuk pindahan RM500.00 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan) menurun sebanyak RM613.52 juta (26.66 %) berbanding RM2,300.99 juta tahun 2019.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri telah berjaya mengukuhkan kedudukan kewangan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Selaras dengan penurunan hasil, pelbagai pendekatan dan usaha diambil oleh Kerajaan melalui pelaksanaan langkah-langkah kawalan dalaman perbelanjaan yang lebih ketat, pemotongan peruntukan dan pengurangan perbelanjaan. Dasar pengawalan perbelanjaan ini akan diteruskan pada tahun ini tanpa menjejaskan penyampaian awam dan kesejahteraan rakyat. Inisiatif peningkatan hasil akan diperkasakan bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan seterusnya mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu.







**PERNYATAAN  
PEGAWAI KEWANGAN  
NEGERI DAN  
BENDAHARI NEGERI  
TERENGGANU**



## PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI TERENGGANU

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan.

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab di bawah Kerajaan Negeri Terengganu.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2020.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2020.



DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HUSSIN  
Pegawai Kewangan Negeri Terengganu  
02 Februari 2021



HAJAH MARZIALIANA BINTI MOHAMED  
Bendahari Negeri Terengganu  
02 Februari 2021









# **PENYATA KEWANGAN NEGERI**



**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**  
pada 31 Disember 2020

		<u>2020</u>	<u>2019</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
<b>WANG AWAM</b>			
<b>WANG TUNAI</b>	3	166,197,753.14	187,559,878.01
<b>PELABURAN</b>	4	300,000,000.00	410,000,000.00
		<b>466,197,753.14</b>	<b>597,559,878.01</b>
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
<b>AKAUN HASIL DISATUKAN</b>	5	203,358,035.47	257,363,868.61
<b>AKAUN PINJAMAN DISATUKAN</b>	6	0.00	0.00
<b>AKAUN AMANAH DISATUKAN</b>	7	262,839,717.67	340,196,009.40
		<b>466,197,753.14</b>	<b>597,559,878.01</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

	<i>Nota</i>	<u>2020</u>		<u>2019</u>	
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>TERIMAAN</b>					
<b>Hasil</b>					
Hasil Cukai		64,702,839.11		73,832,714.00	
Hasil Bukan Cukai		137,326,425.98		173,668,248.78	
Terimaan Bukan Hasil		1,399,566,607.20		1,887,752,645.19	
		<u>-</u>	1,601,595,872.29	<u>-</u>	2,135,253,607.97
<b>Pinjaman</b>					
Pinjaman Dalam Negeri	6	0.00		0.00	
		<u>-</u>	0.00	<u>-</u>	0.00
<b>Bantuan Luar Negeri</b>					
Pinjaman Multilateral	6	0.00		0.00	
Pinjaman Bilateral		0.00		0.00	
		-	0.00	-	0.00
<b>Terimaan Modal</b>					
Pelbagai Terimaan Modal	7	20,988,214.91		16,918,501.85	
Jualan Instrumen Kewangan		110,000,000.00		0.00	
		<u>-</u>	130,988,214.91	<u>-</u>	16,918,501.85
<b>Terimaan Lain</b>					
Terimaan Amanah	7	7,451,202.09		0.00	
		<u>-</u>	7,451,202.09	<u>-</u>	0.00
<b>Jumlah Terimaan</b>			<b>1,740,035,289.29</b>		<b>2,152,172,109.82</b>



**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

BAYARAN	Nota	2020		2019	
		RM	RM	RM	RM
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>					
Emolumen		(259,523,124.22)		(262,858,856.85)	
Perkhidmatan dan Bekalan		(183,539,788.72)		(184,581,608.91)	
Aset		(12,058,336.53)		(11,006,834.30)	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		(699,213,639.02)		(696,906,781.22)	
Perbelanjaan Lain		<u>(1,266,816.94)</u>	<u>(1,155,601,705.43)</u>	<u>(1,243,813.77)</u>	<u>(1,156,597,895.05)</u>
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>	7				
Langsung		(605,795,708.73)		(489,923,985.38)	
Pinjaman		0.00	(605,795,708.73)	0.00	(489,923,985.38)
<b>Perbelanjaan Modal</b>					
Pelbagai Perbelanjaan Modal		0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan	4	0.00	0.00	(349,800,000.00)	(349,800,000.00)
<b>Bayaran Balik Pinjaman</b>					
Pinjaman Dalam Negeri		0.00		0.00	
Pinjaman Kepada Agensi		0.00	-	0.00	-
<b>Bantuan Luar Negeri</b>					
Pinjaman Multilateral		0.00		0.00	
Pinjaman Bilateral		0.00	0.00	0.00	0.00
<b>Bayaran Lain</b>					
Bayaran Amanah	7	0.00	0.00	<u>(62,769,652.99)</u>	<u>(62,769,652.99)</u>
<b>Jumlah Bayaran</b>			<b><u>(1,761,397,414.16)</u></b>	<b><u>(2,059,091,533.42)</u></b>	
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			(21,362,124.87)		93,080,576.40
Wang Tunai Pada 1 Januari 2020			<u>187,559,878.01</u>		<u>94,479,301.61</u>
<b>WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER 2020</b>			<b><u>166,197,753.14</u></b>		<b><u>187,559,878.01</u></b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota:

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai tidak mengambilkira Terimaan Hasil daripada Royalti Petroleum (Pemberian Dana Khas) sebanyak RM31,868,630.30 yang dikontra dengan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan



**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
**bagi tahun berakhir 31 Disember 2020**

	<i>Nota</i>	<u>2020</u>		<u>2019</u>
		<i>Anggaran</i>	<i>Sebenar</i>	<i>Sebenar</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>HASIL</b>	5	1,666,000,000.00	1,633,464,502.59	2,560,959,569.97
<i>Tolak:</i>				
Belanja Mengurus	5	1,842,667,175.71	1,187,470,335.73	1,582,303,857.05
<b>LEBIHAN HASIL</b>		<b>(176,667,175.71)</b>	<b>445,994,166.86</b>	<b>978,655,712.92</b>
<i>Tolak:</i>				
Belanja Pembangunan	7	699,290,660.00	605,795,708.73	489,923,985.38
<b>(KURANGAN)/LEBIHAN KESELURUHAN</b>		<b>(875,957,835.71)</b>	<b>(159,801,541.87)</b>	<b>488,731,727.54</b>
<b>(KURANGAN DIBIYAI OLEH) / LEBIHAN DISOKONG OLEH:</b>				
Pinjaman	6		0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		130,988,214.91	16,918,501.85
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		28,813,326.96	(505,650,229.39)
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>			<b>159,801,541.87</b>	<b>(488,731,727.54)</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

*Nota:*

Penyata Prestasi Kewangan adalah mengambilkira Terimaan Hasil daripada Royalti Petroleum (Pemberian Dana Khas) sebanyak RM31,868,630.30 yang dikontra dengan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan.



**PENYATA AKAUN MEMORANDUM**  
**pada 31 Disember 2020**

		<u>2020</u>	<u>2019</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
<b>MEMORANDUM ASET</b>	<b>8</b>		
Pinjaman Boleh Dituntut		177,533,357.42	189,209,936.27
Pelaburan		3,454,964.47	3,453,050.64
<b>MEMORANDUM LIABILITI</b>	<b>9</b>		
Hutang Awam		279,973,049.02	309,975,701.08

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*



## **DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN**

### **1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN**

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
  - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
  - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
  - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
  - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
  - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
  - iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM).
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.



## 2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persembahan Penyata Kewangan dan Nota yang disertakan bagi tahun 2011 dan seterusnya telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

## 3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan yang kurang dari 3 bulan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<b>2020</b> <b>RM</b>	<b>2019</b> <b>RM</b>
Wang Tunai Dalam Bank	166,092,233.14	187,215,073.88
Wang Tunai Dalam Perjalanan	120.00	239,404.13
Wang Tunai Dalam Tangan	105,400.00	105,400.00
<b>JUMLAH WANG TUNAI</b>	<b>166,197,753.14</b>	<b>187,559,878.01</b>



#### 4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan.

Dalam tahun 2020, sejumlah RM300.00 juta telahpun dilaburkan sebagai pelaburan yang melebihi tempoh 3 bulan yang mana semuanya terdiri daripada Pelaburan Am.

#### 5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengaakun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Lebih hasil tahun semasa sebanyak RM500.00 juta telahpun dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Perihal	2020			2019	
	Anggaran RM	Sebenar RM	%	Sebenar RM	%
BAKI PADA 1 JANUARI		257,363,868.61		(2,607,619.83)	
<b>HASIL</b>					
Hasil Cukai	66,932,500.00	64,702,839.11	96.67	73,832,714.00	110.31
Hasil Bukan Cukai	170,367,353.00	137,326,425.98	80.61	173,668,248.78	85.33
Terimaan Bukan Hasil	1,428,700,147.00	1,431,435,237.50	100.19	2,313,458,607.19	132.61
Jumlah Hasil	1,666,000,000.00	1,633,464,502.59	98.05	2,560,959,569.97	127.09



**PERBELANJAAN MENGURUS**

Emolumen	285,562,428.85	259,523,124.22	90.88	262,858,856.85	89.73
Perkhidmatan dan Bekalan	214,036,494.44	183,539,788.72	85.75	184,581,608.91	83.07
Aset	29,698,003.60	12,058,336.53	40.60	11,006,834.30	71.35
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	811,710,238.82	731,082,269.32	90.07	1,122,612,743.22	127.11
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	1,660,010.00	1,266,816.94	76.31	1,243,813.77	100.00
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	1,342,667,175.71	1,187,470,335.73	88.44	1,582,303,857.05	111.82
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	500,000,000.00	500,000,000.00	100.00	718,684,224.48	119.78
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	1,842,667,175.71	1,687,470,335.73	91.58	2,300,988,081.53	114.19
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		(54,005,833.14)		259,971,488.44	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b><u>203,358,035.47</u></b>		<b><u>257,363,868.61</u></b>	

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Selaras dengan Seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].



Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Perihal	2020				2019	
	Anggaran	Anggaran	Sebenar		Sebenar	
	Asal	Disemak	RM	%	RM	%
	RM	RM	RM	%	RM	%
<b>HASIL CUKAI</b>						
Cukai Tanah	36,030,000.00	36,030,000.00	34,421,119.19	95.53	35,200,696.89	97.70
Cukai Galian	365,500.00	365,500.00	255,159.75	69.81	638,900.25	174.80
Cukai Parit Dan Taliar	15,000.00	15,000.00	11,751.50	78.34	14,190.70	94.60
Royalti	29,500,000.00	29,500,000.00	29,116,014.88	98.70	35,297,887.42	119.65
Cukai Langsung Yang Lain	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Hiburan	1,022,000.00	1,022,000.00	898,793.79	87.94	2,681,038.74	262.33
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	66,932,500.00	66,932,500.00	64,702,839.11	96.67	73,832,714.00	110.31
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	9,601,608.00	9,601,608.00	7,030,256.29	73.22	11,834,782.50	123.26
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	7,093,649.00	7,093,649.00	5,258,589.40	74.13	5,199,966.07	73.30
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	113,576,878.00	113,576,878.00	98,040,179.86	86.32	133,782,277.42	91.17
Sewaan	2,046,500.00	2,046,500.00	975,004.27	47.64	1,114,614.48	54.46
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan	28,889,274.00	28,889,274.00	19,533,285.56	67.61	16,072,692.48	55.64
Denda dan Hukuman	9,159,444.00	9,159,444.00	6,489,110.60	70.85	5,663,915.83	61.84
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	170,367,353.00	170,367,353.00	137,326,425.98	80.61	173,668,248.78	85.33
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
Pulangan Balik Perbelanjaan	2,722,372.00	2,722,372.00	44,597,045.29	1,638.17	45,134,035.19	1,657.89
Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan	1,425,977,775.00	1,425,977,775.00	1,386,838,192.21	97.26	2,268,324,572.00	130.23
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	1,428,700,147.00	1,428,700,147.00	1,431,435,237.50	100.19	2,313,458,607.19	132.61
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>1,666,000,000.00</b>	<b>1,666,000,000.00</b>	<b>1,633,464,502.59</b>	<b>98.05</b>	<b>2,560,959,569.97</b>	<b>127.09</b>



(b) **Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2020			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	%
<b>PERBELANJAAN TANGGUNGAN</b>				
T. 01 Pengelola Istana	38,518,417.51	38,518,417.51	37,776,742.43	98.07
T. 02 Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	10.00	10.00	0.00	0.00
T. 03 Dewan Undangan Negeri	398,020.00	398,020.00	387,606.88	97.38
T. 04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	47,221,752.49	57,888,928.20	51,008,193.99	88.11
T. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	695,800.00	695,800.00	491,592.57	70.65
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	86,834,000.00	97,501,175.71	89,664,135.87	91.96
<b>PERBELANJAAN BEKALAN</b>				
B. 02 Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	58,696,727.13	58,696,727.13	49,387,569.66	84.14
B. 03 Dewan Undangan Negeri	15,977,201.04	15,977,201.04	15,564,217.82	97.42
B. 04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	874,278,701.81	874,278,701.81	834,516,219.90	95.45
B. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	782,683.48	782,683.48	746,460.24	95.37
